

Keputusan kes rasuah Rosmah diketahui Khamis minggu depan

Muka 18



*Kes rasuah projek tenaga solar sekolah*

# Nasib Rosmah diketahui 18 Februari

Isteri bekas Perdana Menteri berdepan tiga pertuduhan minta suapan

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Keputusan sama ada Datin Seri Rosmah Mansor akan dilepaskan atau dipanggil membela diri atas tuduhan rasuah berhubung projek tenaga solar di sekolah luar bandar Sarawak, akan diketahui 18 Februari ini.

Hakim Mahkamah Tinggi Mohamed, Zaini Mazlan, menetapkan tarikh itu selepas mendengar hujahan pihak pendakwaan dan peguam yang mewakili isteri bekas Perdana Menteri itu, semalam.

Rosmah menghadapi satu tuduhan meminta wang berjumlah

RM187.5 juta dan dua pertuduhan menerima suapan berjumlah RM6.5 juta daripada bekas Pengarah Urusan Jepak Holdings Sdn Bhd Saidi Abang Samsudin.

Pada 15 November 2018, beliau mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, atas dua tuduhan meminta rasuah wang tunai RM187.5 juta dan menerima RM1.5 juta berhubung projek pembekalan dan pemasangan tenaga solar di sekolah luar bandar di Sarawak.

Bagi pertuduhan pertama, Rosmah didakwa meminta suapan untuk dirinya sendiri RM187.5 juta, yang dibuat melalui bekas pegawai khususnya Datuk Rizal Mansor, iaitu 15 peratus nilai kontrak daripada Saidi.

Wang berkenaan sebagai upah membantu Jepak Holdings mendapatkan projek dikenali sebagai Projek Bersepadu Sistem Solar Photovoltaic (PV) Hibrid dan Penyelenggaraan serta Operasi Gen-set/Diesel bagi 369 Sekolah Luar Bandar Sarawak yang bernilai RM1.25 bilion secara rundingan terus daripada Kementerian Pendidikan.



Rosmah keluar dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Rosmah didakwa melakukan perbuatan itu di Lygon Bistro, G-24, Ground Floor, Sunway Putra Mall, 100, Jalan Putra, Chow Kit dekat sini antara Mac dan April 2016.

Bagi pertuduhan kedua, beliau didakwa menerima rasuah berjumlah RM1.5 juta daripada Saidi sebagai upah membantu Jepak Holdings mendapatkan projek itu di No 11, Jalan Langgak Duta, Taman Duta, pada 7

September 2017.

Rosmah didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Sabit kesalahan, ia memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi.

Pada 10 April 2019, Rosmah sekali lagi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas pertuduhan menerima suapan RM5 juta daripada Saidi menerusi Rizal kerana membantu Jepak Holdings mendapatkan projek serupa di tempat sama di Jalan Langgak Duta.

Semua kes itu sudah dipindahkan dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi untuk perbicaraan yang bermula 5 Februari tahun lalu.